



## SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### **“JANGAN TERLEPAS DEGUPAN”: SETIAP DEGUPAN BUKAN SEKADAR KEHIDUPAN TAPI DENYUTAN WIRA KESIHATAN**

**Serdang, 4 Oktober 2025**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Hospital Sultan Idris Shah (HSIS), Serdang hari ini menganjurkan Sambutan Hari Jantung & Jelajah Wira MADANI 2025, dan disempurnakan oleh YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan. Hari Jantung disambut pada 29 September setiap tahun dan pada tahun ini ia disambut bersama **Jelajah Wira Madani 2025: program menghargai penat lelah wira-wira kesihatan** yang kelazimannya sentiasa di balik tabir sedang hakikat sebenar mereka adalah barisan hadapan dalam perkhidmatan dan penjagaan kesihatan negara.

Bertemakan “**Jangan Terlepas Degupan**”, program ini **menyeru orang ramai** agar **lebih peka** terhadap kesihatan jantung dan kesedaran ini bermula dengan diri sendiri melalui **gaya hidup sihat** dan **pemeriksaan berkala** sebagai langkah pengesanan juga rawatan awal. Statistik oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada tahun 2023 menunjukkan bahawa penyakit jantung **menyumbang hampir 15.1%** daripada keseluruhan kematian dalam negara.

Jelajah Wira MADANI 2025 yang turut disambut pada hari ini merupakan **manifestasi komitmen Kerajaan MADANI** dalam **mengiktiraf wira-wira**

**kesihatan** yang sentiasa berjuang di barisan hadapan. Program ini dilaksanakan **selaras dengan hasrat YAB Perdana Menteri** agar **komuniti yang disasarkan** dapat **disantuni** secara **lebih dekat dan inklusif** melalui pelbagai program dan aktiviti lapangan.

Dalam program sama juga, **penghargaan** terhadap pengorbanan para petugas kesihatan yang sentiasa berkhidmat dan berbakti kepada masyarakat turut diberikan apabila seramai **500 kakitangan sokongan HSIS** terpilih menerima **Sumbangan Ihsan bernilai RM100 setiap seorang**.

Program sambutan hari ini juga turut dimeriahkan dengan beberapa pengisian termasuk Saringan Kesihatan, Derma Darah, *Fun Run*, Pameran Kesihatan, *Pocket Talk*, Pertandingan Mewarna, Permainan Tradisional, Ceramah Kenegaraan, Perkhidmatan Klinik Bergerak serta Kaunter Bayaran Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Program-program ini **berjaya menarik lebih 1,000 penyertaan**, melibatkan warga HSIS, komuniti sekitar, pelajar serta rakan strategik daripada agensi kerajaan berkaitan.

KKM menyeru semua pihak untuk sentiasa peka terhadap tahap kesihatan diri tidak kira jantung mahupun organ lain. KKM juga sentiasa memastikan kebajikan dan usaha keras para wira kesihatan tidak disisihkan serta dihargai setanding nilai yang dicurahkan. Ini sejajar dengan nilai MADANI - *Kemampanan, Kesejahteraan, Hormat dan Ihsan*.

**Dikeluarkan oleh:**

**KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

